

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Lapan

### Bertumbuh Menjadi Bait Kudus dalam Tuan

Bacaan Bible: Ef. 2:5-6, 8, 18-22; 3:4-5; 1 Kor. 3:16-17; 6:17

- I. Kita diselamatkan melalui kurnia, dibangkitkan bersama dengan Kristus dan didudukkan bersama dengan-Nya dalam kesyurgaan, serta beroleh laluan masuk kepada Bapa adalah untuk pembinaan gereja, iaitu Tubuh-Nya, menerusi bertumbuh menjadi bait kudus dalam Tuan—Ef. 2:5-6, 8, 18, 21-22:**

- A. Ketika Tuhan menghidupkan Yesus yang tersalib, Dia juga menghidupkan kita bersama-sama; oleh itu, Dia menghidupkan kita bersama dengan Kristus—ay. 5.
- B. Melalui kurnia, kita telah diselamatkan daripada kedudukan maut yang melarat dan masuk ke dalam alam hayat yang mengagumkan—ay. 5.
- C. Menerusi Tuhan Anak sebagai Penyempurna, iaitu sarana, dan dalam Tuhan Roh sebagai Pelaksana, iaitu penerapan, kita beroleh laluan masuk kepada Tuhan Bapa sebagai Pemula, iaitu sumber yang unik—ay. 18:
  1. Dari segi kedudukan, kita diperdamaikan dengan Tuhan; dari segi pengalaman pula, kita beroleh laluan masuk kepada Bapa—ay. 16, 18:
    - a. Diperdamaikan dengan Tuhan bererti kita diselamatkan; beroleh laluan masuk kepada Bapa pula bererti kita menikmati Tuhan.
    - b. Semasa kita menghubungi Tuhan, kita datang kepada-Nya menerusi Kristus dalam Roh kepada Bapa; inilah Tuhan Tritunggal dalam pengalaman kita dan untuk kita nikmati—ay. 18.
  2. Bapa datang kepada kita menerusi Anak dalam Roh itu, dan kini Roh itu membawa kita kembali kepada Bapa menerusi Anak; menerusi perhubungan dua hala yang menakjubkan ini kita menikmati pendispenan Tuhan Tritunggal—2 Kor. 13:14; Ef. 3:16-17a.
  3. Menerusi Anak bererti menerusi Tuhan Tritunggal, dalam Roh itu bererti dalam Tuhan Tritunggal, dan kepada Bapa bererti kepada Tuhan Tritunggal; inilah cara kita mengalami Tuhan Tritunggal dan cara kita dapat dibina—2:18, 21-22.

- II. Sebagai percayawan dalam Kristus dan sebagai anggota Tubuh Kristus, kita “sedang dibina di atas asas para dutus dan penyabda, dengan Kristus Yesus sendiri sebagai batu penjuru”—ay. 20:**

- A. Oleh sebab misteri Kristus, iaitu gereja, telah diwahikan kepada para dutus, maka wahi yang diterima oleh mereka ini dianggap sebagai asas, dan di atas asas inilah gereja dibina—3:4-5; 2:20:
  1. Ini sepadan dengan batuan dalam Matius 16:18 yang bukan sahaja merujuk kepada Kristus sendiri tetapi juga wahi berkenaan Kristus; di atasnya, Kristus akan membina gereja-Nya.
  2. Kita perlu membina gereja di atas para dutus dan penyabda—Ef. 2:20.
- B. Dalam Efesus 2:20, Kristus dirujuk sebagai batu penjuru:
  1. Kristus sebagai batu penjuru menggabungkan percayawan Yahudi dan percayawan Asing bersama-sama menjadi bait kudus dalam Tuan—Mzm. 118:22-26; Ef. 2:20-22.
  2. Kristus, yakni batu penjuru, adalah untuk pembinaan gereja dalam zaman Wasiat Baru—Mat. 16:18; Ef. 2:20-22; 1 Ptr. 2:5:
    - a. Untuk membina gereja sebagai bait Tuhan, kita perlu mengalami Kristus sebagai batu penjuru—ay. 6-7.

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Lapan (sambungan)

- b. Dalam Kristus sebagai batu penjuru, seluruh bangunan sedang bertumbuh menjadi bait kudus dalam Tuan—Ef. 2:20-22.
- 3. Dalam ekonomi Wasiat Baru Tuhan, Kristus sebagai batu penjuru, dalam hal Dia menyelamatkan kita (Kis. 4:10-12), pertama-tamanya menjadikan kita batu hidup demi pembinaan rumah rohani Tuhan (Mat. 16:18; Yoh. 1:42; 1 Ptr. 2:4-7), kemudian dalam proses mentransform kita (Roma 12:2a; 2 Kor. 3:18), Dia membina kita menjadi tempat huni Tuhan (Ef. 2:19-22) agar Dia dapat melaksanakan ekonomi abadi Tuhan demi kegirangan Tuhan (1:9; 3:9-11).

### **III. Dalam Kristus yang merupakan batu penjuru, “seluruh bangunan sedang dipasangkan bersama, bertumbuh menjadi bait kudus dalam Tuan”—2:21:**

- A. Frasa *seluruh bangunan* merujuk kepada pembinaan universal, yakni gereja dalam seluruh alam semesta—ay. 21.
- B. Perkataan *dipasangkan* bermakna disesuaikan untuk keadaan dan situasi binaan—ay. 21:
  - 1. Dipasangkan bersama adalah untuk semua bahagian rangka Tubuh dipasangkan bersama bagi membentuk satu struktur—4:16.
  - 2. Dalam pembinaan, semua bahan dipasangkan bersama; ini bermaksud bahawa bahan bukan hanya dilonggokkan, tetapi dibina—2:21.
- C. Memandangkan bangunan itu suatu yang hidup, maka ia sedang bertumbuh kerana ia adalah organik—1 Ptr. 2:5:
  - 1. Bangunan ini bertumbuh menjadi bait kudus, yakni tempat huni yang kudus bagi Tuhan; ini menunjukkan bahawa bait kudus ialah bangunan yang hidup—Ef. 2:21.
  - 2. Pertumbuhan dan pembinaan nampaknya seolah-olah berasingan; sebenarnya, pembinaan rumah ialah pertumbuhan Tubuh—4:15-16.
  - 3. Pembinaan gereja sebagai bait, rumah Tuhan, adalah melalui pertumbuhan percayawan dalam hayat—1 Kor. 3:6-7; Ef. 4:15-16; Kol. 2:19; 1 Ptr. 2:2.
  - 4. Tubuh bertumbuh dengan pertumbuhan Tuhan—Kol. 2:19:
    - a. Pertumbuhan Tubuh bergantung pada pertumbuhan Tuhan, penambahan Tuhan, pertambahan Tuhan dalam kita—Ef. 4:16.
    - b. Tuhan memberi pertumbuhan dengan memberi diri-Nya kepada kita dengan cara yang subjektif—3:16-17a:
      - 1) Tuhan memberi kita pertumbuhan sebenarnya bermakna bahawa Dia memberi kita diri-Nya—1 Kor. 3:6-7.
      - 2) Semakin banyak Tuhan ditambahkan kepada kita, semakin banyak pertumbuhan yang diberi-Nya—Ef. 4:15-16.
  - 5. Gereja bertumbuh melalui pendispenan hayat, iaitu pendispenan divin dari-pada Triniti Divin—2 Kor. 13:14:
    - a. Tuhan yang mempunyai tiga aspek—Tuhan Bapa, Anak, dan Roh itu—sedang mendispenkan diri-Nya ke dalam kita sebagai hayat dan sebagai bekalan hayat kita—Ef. 3:16-17.
    - b. Asalkan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi mendispenkan diri-Nya sebagai hayat ke dalam kita, kita akan dikhiasi dan bertumbuh—4:15-16.
    - c. Dalam gereja-gereja, kita harus mengambil berat tentang pertumbuhan sejati menerusi pendispenan hayat divin—1 Kor. 3:6-7; 2 Ptr. 1:5-7.
  - D. Seluruh bangunan menjadi kudus—Ef. 2:21:

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Lapan (sambungan)

1. Tuhan menjadikan kita kudus dengan menyalurkan diri-Nya, iaitu Yang Kudus itu, ke dalam diri kita supaya seluruh diri kita diresapi dan ditepui sifat-Nya yang kudus—1:4; 1 Tes. 5:23.
  2. Bagi kita sebagai umat pilihan Tuhan, menjadi kudus bererti kita berbahagian dalam sifat divin Tuhan dan menjadikan seluruh diri kita diresapi Tuhan sendiri; pengudson ini menjadikan seluruh diri kita kudus dalam sifat dan ciri Tuhan, sama seperti Tuhan sendiri—2 Ptr. 1:4; Ef. 5:27; Kol. 1:22.
- E. Seluruh bangunan bertumbuh menjadi bait dalam Tuan—Ef. 2:21:
1. Perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai “bait” dalam ayat 21 bermakna rumah kudus, iaitu bahagian dalaman bagi bait.
  2. Gereja ialah bait Tuhan; dengan itu, gereja ialah rumah kudus bagi Tuhan yang kudus, iaitu bait yang dihuni Roh Tuhan—1 Kor. 3:16-17:
    - a. *Bait Tuhan* dalam ayat 16 merujuk kepada percayawan di satu lokaliti tertentu secara kolektif, manakala *bait Tuhan* dalam ayat 17 merujuk kepada semua percayawan secara universal.
    - b. Bait Tuhan yang rohani dan unik dalam alam semesta mempunyai ekspresinya di banyak lokaliti di bumi; setiap ekspresi merupakan bait Tuhan di lokaliti tersebut—Ef. 2:21-22.
  3. Dalam Yerusalem Baru tidak ada bait, kerana Tuan Tuhan Maha Perkasa dan Anak Domba ialah baitnya—Wahi 21:22:
    - a. Kota kudus Yerusalem secara keseluruhannya akan menjadi Tempat Maha Kudus; oleh itu, tidak ada bait di dalamnya—ay. 16.
    - b. Bait dalaman ini ialah Tuan Tuhan Maha Perkasa dan Anak Domba—ay. 22.
  4. Keseluruhan bangunan rumah Tuhan, iaitu rumah kudus-Nya, berada dalam Kristus Tuan itu—Ef. 2:21.
- IV. Dengan merujuk kepada pekudus lokal di Efesus, Paulus berkata, “Dalam-Nya, kamu juga sedang dibina bersama menjadi tempat huni Tuhan dalam roh”—ay. 22:**
- A. Bait dan tempat huni merujuk kepada dua aspek bagi perkara yang sama—ay. 21-22:
    1. Bait ialah tempat bagi umat Tuhan menghubungi Tuhan, menyembah-Nya, dan mendengar sabdaan-Nya—ay. 21.
    2. Tempat huni Tuhan ialah tempat rehat; Tuhan berehat dalam tempat huni-Nya—ay. 22.
    3. Bait dan tempat huni bukanlah dua tempat berbeza; sebaliknya, bait dan tempat huni merupakan dua aspek, dua fungsi atau dua penggunaan, bagi bangunan yang sama.
  - B. Perkataan *juga* dalam ayat 22 menunjukkan bahawa pembinaan dalam ayat 21 adalah universal, manakala pembinaan dalam ayat 22 adalah lokal:
    1. Menurut konteks dalam ayat 21, bait kudus adalah universal, dan dalam ayat 22 pula, tempat huni Tuhan adalah lokal.
    2. Dari segi universal, gereja adalah satu secara unik dan sedang bertumbuh secara universal; dari segi lokal pula, gereja di lokaliti tertentu juga adalah satu, dan para pekudus di situ sedang dibina bersama di lokaliti masing-masing—ay. 21-22; 1 Kor. 1:2; 3:16-17.
  - C. Tempat huni Tuhan berada dalam roh kita—Ef. 2:22:

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Lapan (sambungan)

1. Ayat 21 mengatakan bahawa bait kudus berada dalam Tuan, dan ayat 22 pula mengatakan bahawa tempat huni Tuhan berada dalam roh.
2. Ini menunjukkan bahawa bagi pembinaan tempat huni Tuhan, Tuan bersatu dengan roh kita, dan roh kita bersatu dengan Tuan—1 Kor. 6:17.
3. Roh kita ialah tempat pembinaan tempat huni Tuhan.